

BERITA HARIAN, ISNIN, 3 NOVEMBER, 1980

Rakyat harus tolak fitnah berasaskan nafsu—Dr. M

KUALA KANGSAR, Ahad—Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan pentingnya setiap rakyat menolak fitnah dan desakan yang berasaskan nafsu demi mengekalkan amalan demokrasi di negara ini.

Ujar beliau, rakyat harus sedar ada kegiatan orang-orang yang menaburkan fitnah terhadap usaha-usaha Kerajaan melalui ceramah-ceramah, yang boleh membawa kepada keburukan masyarakat, negara dan agama.

Katanya: "Sistem ini adalah amat penting kerana ia memberi peluang kita menentukan siapakah yang mewakili kita untuk memerintah dalam Kerajaan."

Jika tidak, tegas beliau, sistem autokratik akan wujud di mana pemerintahannya dijalankan oleh orang yang tidak dipilih oleh rakyat.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia menyatakan demikian semasa merasmikan kursus pemimpin masyarakat di Dewan Merdeka, di sini.

Berhati2

Kursus itu dihadiri oleh ahli-ahli dari empat bahagian UMNO iaitu Kuala Kangsar, Sungai Siput, Padang Rengas dan Grik.

Beliau mengingatkan rakyat jangan mengangap parti lain yang akan memerintah patuh kepada demokrasi.

Tambahnya, banyak negara yang "tayangkan" sahaja amalan demokrasi tetapi sebaliknya sistem itu berjalan dengan baik di negara ini.

Datuk Seri Dr.

Mahathir sekali lagi mengingatkan rakyat supaya berhati-hati kerana ada kemungkinan mereka juga akan melakukan jenis jenayah yang sama dengan yang berlaku di Batu Pahat baru-baru ini.

"Ini adalah kerana mereka yang terlibat itu sama saja seperti kita, tetapi kegiatan mereka itu bertopengkan agama," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi amaran Kerajaan akan terus mencegah segala jenayah yang berselindungkan agama.

"Kita tidak akan teragak-agak bertindak terhadap sesiapa saja tidak kira pangkat ataupun parti," ujarnya.

Beliau menegaskan, Kerajaan menggalakkan penyebaran dakwah di negara ini secara terbuka kerana ini sesuai dengan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

"Apalah gunanya mereka itu menyebarkan ajaran agama secara terselubung seperti di gunung-gunung ataupun gua," katanya.